



## PROGRAM SANITASI AWAM BOMBA DI PASAR AWAM SELANGOR, SERI KEMBANGAN



Pada 30 Mei 2021, Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBPM) telah melaksanakan aktiviti sanitasi di pasar borong Seri Kembangan, Selangor. Ia adalah sebagai langkah pencegahan penularan Covid-19. Aktiviti sanitasi ini turut dipantau oleh Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), YB Datuk Hajah Zuraida Kamaruddin dan Turut hadir adalah YAS Ketua Pengarah JBPM, Dato' Sri Ts. Mohammad Hamdan Bin Hj. Wahid.

YB Datuk Hajah Zuraida menegaskan sanitasi awam ini adalah untuk mengurangkan jangkitan awam, terutama di zon merah. Perkara ini turut di sokong oleh YAS Ketua Pengarah JBPM yang mana operasi sanitasi awam di sesuatu kawasan melibatkan tiga faktor iaitu nyahcemar, nyahjangkitan dan sanitasi awam.

Sebanyak 25,000 sanitasi awam sudah dilakukan sejak Mac lalu merupakan langkah yang disyorkan Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO) dan Kementerian Kesihatan (KKM).



Sumber: Unit Komunikasi Korporat